

SME@UNIVERSITI BANTU USAHAWAN PKS

21 February 2016

- Utusan Online

KOTA BHARU 21 Feb. - Program SME Corporation Malaysia (SME Corp)@Universiti berjaya membantu meningkatkan produktiviti 444 usahawan pelbagai bidang di seluruh negara sejak diperkenalkan pada 2010. Timbalan Ketua Eksekutif I SME Corp, Isham Ishak berkata, program dalam bentuk kursus jangka pendek selama tiga bulan yang diikuti oleh usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terpilih itu berupaya membantu menaik taraf prestasi perniagaan yang diusahakan.

“Apabila usahawan-usahawan yang tidak mempunyai pendidikan khusus ini dibawa ke universiti dan diberi pendedahan tentang bagaimana meningkatkan produktiviti, jualan dan pengurusan, ternyata ia mampu membantu mengembangkan lagi perusahaan yang dijalankan. “Para peserta akan didedahkan kepada lapan modul iaitu melibatkan aspek pengurusan syarikat seperti kewangan dan pemasaran,” katanya selepas menyempurnakan Majlis Graduasi SME@UMK 2016 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di sini hari ini. Isham berkata, selain UMK, terdapat lapan universiti lain di negara ini menjalankan program seperti itu, termasuk yang terbaharu, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Menurutnya, tahap pembelajaran peserta program berkenaan bukan sahaja di peringkat nasional dan kebangsaan, sebaliknya sehingga ke luar negara, sekali gus membantu melahirkan ketua-ketua pegawai eksekutif bertaraf antarabangsa. "Di luar negara, mereka didedahkan mengenai tatacara perniagaan yang berlainan daripada yang terdapat di Malaysia dan seterusnya membuka peluang kepada mereka supaya dapat memikirkan bahawa terdapat ilmu terbaik di sana bagi meningkatkan kecekapan syarikat," katanya. Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (Hepa) UKM, Prof. Abdul Aziz Ab Latif berkata, program SME@UMK itu merupakan pembelajaran dua hala yang memberi manfaat bersama antara usahawan dan universiti. “Ramai ketua pegawai eksekutif yang datang memberi ilmu kepada kita sama ada melalui kuliah, sesi perbincangan, interaksi antara pelajar dan pensyarah, dan kajian kes, sekali gus menjadi bahan ilmu yang digunakan dari semasa ke semasa,” katanya. Seorang peserta yang juga Pengarah Urusan Geliga Sari Sdn. Bhd. atau D’Apple Frozen Food, Abd. Hakim Awang berkata, penyertaannya dalam program itu banyak membantunya memperluaskan rangkaian perniagaan.

“Kita bukan mencari duit di sini tetapi memberi jalan membina rangkaian dan apa yang saya capai hari ini, 20 hingga 30 peratus disumbangkan program ini, sehingga melonjakkan perniagaan secepat ini,” katanya. -UTUSAN ONLINE